



Latihan Perkaitan Antara Sistem Di Dalam Tubuh Manusia


1. Tubuh manusia terdiri daripada beberapa sistem. Setiap sistem menjalankan fungsi yang berbeza. Perhatikan dan namakan gambarajah sistem dibawah dengan tepat menggunakan pilihan jawapan yang disediakan.

Sistem rangka

Sistem pernafasan

Sistem pencernaan

Sistem peredaran darah

Gambarajah Sistem				
Nama Sistem				

2. Sistem di dalam tubuh manusia tidak dapat berfungsi secara sendiri. Sekiranya satu daripada sistem ini gagal berfungsi, sistem yang lain akan turut terganggu. Isikan tempat kosong dengan tepat menggunakan pilihan jawapan di bawah.

kesukaran

terganggu

esofagus

patah

tercekik

terperangkap

membengkak

trakea

Sistem Rangka dan Sistem Peredaran Darah

Tulang tangan yang _____ menjejaskan sistem rangka.

Pada masa yang sama, tangan akan _____ kerana pengaliran darah dalam sistem peredaran darah turut _____.



Sistem Pencernaan dan Sistem Pernafasan

Seseorang yang _____ makanan akan menyebabkan sistem pencernaannya terganggu di bahagian _____.

Makanan yang _____ di esofagus akan menghalang udara memasuki _____ dan akan menyebabkan sistem pernafasan terganggu kerana mengalami _____ bernafas.

Latihan Tamat